

Penguasaan Ciri Aliran Tematik Penulisan Bahasa Sepanyol Bukan Natif

Azlina Mohd Sera'ai
azlinamohds@upm.edu.my
Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa
Universiti Putra Malaysia

Idris Aman
idrisa@ukm.edu.my
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Maserah Shabudin
masera@ukm.edu.my
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Aliran tematik adalah berkenaan cara idea dilanjutkan ayat demi ayat dalam teks. Dengan itu, aliran tematik merupakan unsur penting dalam penghasilan sesebuah penulisan. Kajian penulisan tertumpu kepada kajian linguistik, pembelajaran dan pengajaran dan eksperimental benar. Namun, kajian linguistik yang memfokuskan aliran tematik hanya mengkaji pembinaan aliran tematik yang terkandung dalam teks tanpa melibatkan pembolehubah kategori pelajar, manakala kajian penghasilan teks sebagai bahasa asing selain bahasa Inggeris amat terhad dan tidak membincangkan hubungan antara pencapaian bahasa dengan pemanfaatan jenis aliran tematik. Maka, makalah ini membahaskan penguasaan ciri aliran tematik penulisan naratif yang dihasilkan oleh pelajar tahap lanjutan bahasa Sepanyol bukan natif berdasarkan pembolehubah kategori pelajar dan mengenal pasti hubungannya dengan pencapaian bahasa. Kajian ini menganalisis 30 teks naratif yang melibatkan 106 buah perenggan. Pergerakan aliran tematik dalam setiap perenggan dianalisis berpandukan skema aliran tematik, Rema Regresi, Rema Ulangan, Tema Rencam, *Box Development* dan *Pair to Single Development*. Hasil kajian memaparkan, ketiga-tiga kategori pelajar mewacanakan penulisan secara dominan menerusi aliran Tema Rencam tanpa peka kepada genre penulisan. Pembolehubah kategori pelajar secara hakikatnya tidak memainkan peranan dan tidak mempengaruhi pembinaan aliran tematik mereka. Tiada hubungan yang signifikan antara aliran tematik dengan pencapaian bahasa diperolehi. Hasil penemuan ini membuktikan aliran tematik berupaya dijadikan sebagai satu teknik yang efektif kepada guru dan pelajar untuk membentuk dan membina sebuah penulisan yang berkesinambungan.

Kata kunci: aliran tematik; penulisan, bahasa Sepanyol; tema dan rema; hubungan

The Mastery of Writing Spanish Thematic Progression Feature by Non Native

ABSTRACT

Thematic progression refers to how an idea is expanded from one sentence to another in a text. Therefore, thematic progression is an important element in writing production. Studies on writing have mostly focused on the linguistic, learning and teaching, and experimental study. However, studies on thematic linguistic dimension have only discussed the thematic progression surrounding a text without taking into account other variables such as student category, while studies on text production as a foreign language other than English are limited and do not explore the relationship between the language proficiency with the use of thematic progression. Therefore, this study aims to explain the mastery of thematic progression in narrative texts produced by non-native advanced students of Spanish based on students' category and to identify their relationship with language achievement. This study analyses 30 narrative texts which involves 106 paragraphs. The movement of ideas in each paragraph is analysed based on the thematic progression scheme outline, Rheme Regression, Rheme Iteration, Mix Theme, Box Development and Pair to Single Development. The findings reveal that all categories of students utilize Mix Theme dominantly without paying attention to the genre of writing. Student category, in fact do not play a role nor influence the construction of their thematic progression. No significant correlation was found between thematic progressions with the language achievement. These findings prove that the thematic progression is capable as an effective technique to teachers and students to form and develop a coherent writing.

Keywords: thematic progression; writing; Spanish; theme and rheme; correlation

PENGENALAN

Penguasaan bahasa merangkumi empat kemahiran utama, iaitu bertutur, mendengar, membaca dan menulis (*Common European Framework of Reference for Languages* (selanjutnya CEFR, 2001). Antara kemahiran tersebut, menulis merupakan salah satu alat yang penting kerana matlamatnya adalah untuk memperoleh maklumat dan kemahiran yang baharu (Sánchez, 2009). Dalam mempelajari bahasa yang baharu, penulisan dijadikan alat untuk mempelajari tatabahasa, leksikal, sosiobudaya dan lain-lain (Cassany, 2005). Bahkan amalan menulis berupaya memberi kelebihan yang banyak kepada pengguna bahasa asing. Ini adalah kerana, tanpa komunikasi bertulis seorang individu tidak berupaya untuk bersaing dan mencapai kejayaan dalam bidang profesional terutama yang melibatkan pekerjaan teknikal (Sánchez, 2009), seperti arkitek, mekanik, jurutera, pakar runding dan sebagainya. Penulisan juga dapat menggambarkan suatu ciri dari individu yang terpelajar atau bangsa/negara yang maju (Sánchez, 2009).

Wujud berbagai jenis penulisan seperti naratif, deskriptif, ekspositori, penghujahan dan pemujukan (CEFR, 2001). Setiap genre memperlihatkan kepelbagaian dalam pemilihan retorik bermula dari leksikal, tatabahasa sehinggalah ke format, isi dan organisasi. Pemilihan inilah yang perlu dipelajari dan diadaptasi ke dalam penulisan (Wennerstrom, 2003). Penulisan naratif merupakan jenis penulisan yang sering digunakan di dalam kelas pembelajaran bahasa asing bermula dari tahap asas sehingga ke tahap tinggi (CEFR, 2001). Naratif adalah berorientasikan ejen, tumpuan diberikan kepada orang, tindakan, motivasi dan menerangkan bagaimana berlakunya peristiwa dalam kerangka temporal (Hickmann, 2003).

Penceritaannya perlu melibatkan kesemua kemahiran seperti mengorganisasikannya menurut kronologi peristiwa. Pandangan ini sejajar dengan Fries (1983) yang menyatakan bahawa dalam penulisan naratif pada amnya terdapat kecenderungan untuk memanfaatkan aliran Tema Kekal. Fries menegaskan dalam penulisan naratif seperti berikut, “...*tend to relate a sequence of events...a common character or set of character*” (Fries, 1983, hlm. 124) dan watak tersebut menjadi titik permulaan ayat (McCabe, 1999). Dengan erti kata lain, genre naratif memiliki ciri-ciri penulisan yang tersendiri bagi menyampaikan maksud kepada pembaca.

Dalam konteks pembelajaran bahasa, terdapat sebuah piawaian antarabangsa yang diguna pakai dalam menginterpretasikan keupayaan kemahiran bahasa seseorang pelajar iaitu CEFR. Kerangka ini memaparkan bahawa penguasaan pelajar bahasa boleh diperhatikan dalam kompetensi wacananya. Kompetensi wacana merujuk keupayaan seorang pelajar untuk menyusun ayat dalam urutan bagi menghasilkan teks bahasa yang koheren (CEFR, 2001) seperti tema/rema, organisasi tematik, koheren, kohesi, organisasi retorik dan sebagainya (CEFR, 2001). Nyata, CEFR meletakkan matlamat dan menekankan peri pentingnya unsur tema/rema dan tematik, koheren dan kohesi yang perlu wujud dalam sebuah karangan penulisan dan dimanfaatkan sebagai kayu pengukur dalam penulisan. Perihal ini sejajar dengan pandangan yang ditekankan oleh Alonso (1997); Halliday dan Matthiessen (2004); Wang (2007), Medve dan Takač (2013) mengenai keperluan koheren sebagai salah satu elemen penting yang perlu wujud dalam penulisan. Oleh yang demikian, bagi menghasilkan sebuah teks yang baik adalah amat perlu untuk seseorang pelajar mengetahui cara mengorganisasikan atau memilih Tema dan Rema dalam penulisan. Hubungan atau interaksi antara Tema dan Rema dalam teks akan mengawal aliran maklumat dan koheren. Koheren, pengaliran idea dan hubungan logik antara ayat dalam sebuah teks penulisan adalah penting. Koheren juga merupakan sebuah produk yang terhasil dari gabungan atau kesatuan setiap frasa, setiap ayat dan setiap perenggan yang akhirnya membentuk sebuah wacana yang menyeluruh.

Sehubungan dengan itu, teks penulisan yang koheren boleh dikenal pasti melalui pencarian aliran tematik yang melibatkan hubungan di antara klausa berdasarkan informasi yang terkandung di dalam Tema dan Rema (Alonso, 1997, 2002; Alonso & McCabe 1998; Wang, 2007). Tema merupakan elemen yang berfungsi sebagai titik tolak mesej dan mesej yang selebihnya dipanggil Rema (Halliday & Matthiessen, 2004, hlm. 64). Konsep aliran tematik yang dipelopori oleh Daneš (1974) iaitu aliran Tema Linear Mudah, Tema Kekal, Tema Utama dan Pemisahan Rema memfokuskan bagaimana sesebuah teks yang dipaparkan membangunkan sesuatu idea. Dalam memerihalkan kedudukan Tema dan Rema dalam bahasa Sepanyol, Alonso (1997) menyatakan Tema muncul di bahagian awal ayat dan Rema berada di kedudukan bahagian akhir kerana fokus mesej terletak di akhir ayat.

SOROTAN LITERATUR

Kajian berkenaan penulisan karangan bahasa asing dapat dibahas dalam dua dimensi, iaitu skop dan kaedah kajian. Daripada skop, kebanyakan kajian bersandarkan kepada kajian linguistik, pembelajaran dan pengajaran dan eksperimental benar. Kajian linguistik ialah kajian yang membincangkan sistem dan komponen struktur bahasa seperti kompetensi wacana, kompetensi linguistik dan kombinasi kompetensi linguistik dan wacana. Kajian pembelajaran dan pengajaran pula bermaksud kajian yang memerihalkan penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran, strategi pembelajaran, kesilapan bahasa dan psikologi. Manakala kajian eksperimental benar merupakan kajian yang bersifat menguji

keberkesanan suatu program atau aktiviti terhadap responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dan diagih secara rawak.

Jika difokuskan kajian linguistik kepada isu kompetensi wacana, ia merujuk kepada kajian yang mengutarakan pengetahuan dan keupayaan menyusun ayat bagi menghasilkan struktur bahasa yang koheren seperti aliran tematik. Antara kajian yang dikenal pasti ialah Almaden, 2006; Alonso, 1997, 2002; Alonso dan McCabe, 1998; Azlina dan Maserah 2015; Ebrahimi dan Ebrahimi, 2012; Gao, 2012; Hawes dan Thomas, 1997; Jalilifar, 2010; Medve dan Takač, 2013; Norfaizah dan Anida, 2014; Norfaizah, Anida dan Idris, 2014; Rosniah dan Idris, 2007; Van Esch et al., 2006 dan Wang, 2007.

Kajian yang memfokuskan aliran tematik penulisan karangan bahasa asing masih belum memadai. Hal ini kerana skop kajian mereka hanya membicarakan pembinaan aliran tematik yang terkandung di dalam teks tanpa melibatkan pembolehubah lain seperti kategori pelajar yang boleh mempengaruhi penghasilan penulisan pelajar. Tambahan lagi, kurangnya kajian aliran tematik yang menyelidiki hubungannya dengan tahap pencapaian bahasa pelajar seperti yang diutarakan oleh Jalilifar (2010). Sebagai contoh, Almaden (2006) hanya membincangkan kerangka topikal Lautamatti yang wujud di dalam karangan definisi pelajar bahasa Inggeris di Filipina tanpa melibatkan angkubah. Kerangka tersebut menyamai kerangka aliran tematik Daneš (1974). Begitu juga dengan Azlina dan Maserah (2015) yang hanya memperincikan setiap aliran tematik yang dimanfaatkan dalam penulisan ekspositori bahasa Sepanyol. Manakala, perbincangan skop kajian Alonso (1997, 2002); Alonso dan McCabe (1998); Norfaizah dan Anida (2014); Norfaizah, Anida dan Idris (2014); Rosniah dan Idris (2007) dan Wang (2007) juga masih berkisar di sekitar teks sahaja. Kajian mereka hanya mengenal pasti dan memaparkan pemanfaatan aliran tematik yang betul dan salah dalam karangan pelajar bahasa kedua. Alonso (2002); Wang, 2007; Norfaizah dan Anida (2014) dan Norfaizah, Anida dan Idris (2014) juga memaparkan beberapa contoh latihan Tema/Rema yang boleh dipraktikkan oleh guru di dalam kelas dan boleh dijadikan sebagai kayu pengukur sebuah penulisan.

Selain itu, terdapat beberapa kajian yang menggarap skop aliran tematik dari sudut yang sedikit berlainan. Antaranya, Hawes dan Thomas (1997); Jalilifar (2010); Ebrahimi dan Ebrahimi (2012); Gao (2012) dan Medve dan Takač (2013). Ebrahimi dan Ebrahimi (2012) menyiasat penguasaan aliran tematik teks naratif bahasa Inggeris oleh pelajar di Iran dari sudut tahun pengajian pelajar (tahun satu, pertengahan dan akhir). Manakala, kajian Gao (2012) memerihalkan aliran tematik penulisan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dari sudut pembolehubah bangsa. Hawes dan Thomas (1997) pula membandingkan penggunaan aliran tematik respondennya (100 buah penulisan karangan bahasa Inggeris) dengan dua buah surat khabar British iaitu *The Sun* dan *The Times*. Jika diamati, hanya kajian Jalilifar (2010a) yang membongkar hubungan pemanfaatan aliran tematik dengan tahap pencapaian bahasa respondennya. Dapatan pengkaji ini menunjukkan tiada hubungan signifikan yang wujud antara kedua-duanya. Medve dan Takač (2013) pula berusaha mengenal pasti perbezaan pemanfaatan struktur topikal (aliran tematik) karangan argumentasi bagi dua kumpulan bahasa asing (bahasa Inggeris dan bahasa Jerman sebagai bahasa asing). Berikutnya, kajian Van Esch et al., (2006) yang merupakan sebuah projek penyelidikan jangka masa panjang. Mereka menyelongkar pemanfaatan aliran tematik teks argumentasi yang dihasilkan oleh pelajar Belanda yang mempelajari bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing.

Dari sudut kaedah kajian pula, para pengkaji terdahulu banyak menggunakan data penulisan karangan dalam bahasa Inggeris. Antara kajian yang memanfaatkan data penulisan dalam bahasa Inggeris ialah Hawes dan Thomas (1997); Alonso dan McCabe (1998); Almaden (2006); Rosniah dan Idris (2007); Wang (2007); Jalilifar (2010); Ebrahimi dan Ebrahimi (2012); Gao (2012) dan Medve dan Takač (2013) berbanding bahasa asing lain.

Kajian yang dikenal pasti memanfaatkan data penulisan bahasa asing selain daripada bahasa Inggeris ialah bahasa Sepanyol. Namun, bilangannya tidak sehebat perbincangan yang menggunakan data penulisan bahasa Inggeris. Antara kajian yang menggembelng data penulisan selain daripada bahasa Inggeris ialah bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu. Kajian Alonso (1997, 2002); Van Esch et al. (2006), dan Azlina dan Maserah (2015) memanfaatkan penulisan bahasa Sepanyol. Manakala, penulisan bahasa Melayu sebagai bahasa asing dapat diperhatikan dalam kajian Norfaizah dan Anida (2014), dan Norfaizah, Anida dan Idris (2014). Walau bagaimanapun terdapat juga kajian yang menggunakan campuran data karangan sebagai bahasa asing dalam dua bahasa iaitu Medve dan Takač (2013) yang memanfaatkan penulisan bahasa Inggeris dan bahasa Jerman. Menerusi pengamatan ini, jelas menunjukkan bahawa data yang digunakan lebih cenderung memanfaatkan data penulisan dalam bahasa Inggeris berbanding bahasa asing lain. Hal sedemikian turut diakui oleh Alonso (2002); Belcher (2013); Kubota (2013) dan Reichelt, Lefkowitz, Rinnert dan Schultz (2012) yang merumuskan bahawa pemberatan kajian penulisan dalam bahasa asing lebih terarah kepada penulisan dalam bahasa Inggeris dan kurangnya kajian penulisan bahasa asing selain dari bahasa Inggeris. Belcher (2013, hlm. 439) menegaskan “*Still less a part of what we have seen reflected in the L2 writing literature is writing in a second/foreign language other than English*”. Dengan demikian, percambahan ilmu pengetahuan dalam bahasa asing selain bahasa Inggeris perlu dilaksanakan. Kubota (2013, hlm. 431) menekankan ‘tidak bermakna kajian penulisan dalam bahasa selain bahasa Inggeris adalah ketinggalan zaman’.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian mengenai aliran tematik semakin berkembang dan telah memberi impak kepada kajian penulisan yang dihasilkan oleh pelajar bukan natif. Namun, skop kajian pengkaji terdahulu masih belum memuaskan. Pembicaraan skop kajian tersebut hanya berlegar-legar di sekitar teks, mengabaikan pembolehubah seperti kategori pelajar, kurang menyiasat hubungan yang wujud antara pemanfaatan aliran tematik dan pencapaian bahasa dan lebih memfokuskan hasil penulisan dalam bahasa Inggeris. Hal ini bertepatan dengan pandangan Kubota (2013, hlm. 431) yang menyatakan bahawa “...menulis juga berkait dengan individu yang menghasilkan penulisan dan hubungan kuasa yang wujud dalam aktiviti ini. Penyelidikan lanjut berupaya memberi jawapan dalam mewujudkan kesamarataan yang lebih baik bagi penulis yang datang dari latarbelakang minoriti”. Dengan itu, penulis mengambil inisiatif untuk melanjutkan kajian mereka dengan membongkar penguasaan aliran tematik dari sudut kategori pelajar bagi merencanakan dan memantapkan lagi badan pengetahuan kajian penulisan terutamanya yang dihasilkan oleh pelajar bukan natif. Melalui analisis aliran tematik di dalam teks “*we can gain an insight into its texture and understand how the writer makes clear to us the nature of his underlying concerns*” (Halliday, 1985, hlm. 67).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini berobjektif mengenal pasti, menghuraikan dan menjelaskan binaan aliran tematik yang terkandung dalam penulisan karangan naratif pelajar bahasa Sepanyol bukan natif berdasarkan pembolehubah kategori pelajar iaitu baik, sederhana dan lemah. Selain itu, menjelaskan hubungan di antara pemanfaatan aliran tematik dengan pencapaian bahasa pelajar.

KAEDAH KAJIAN

UNIT ANALISIS

Kajian ini menggunakan unit perenggan dalam proses menganalisis data. Hal ini kerana, penggunaan perenggan harus wujud ketika menganalisis sesebuah teks atau wacana (Longacre, 1979, hlm. 116-117). Longacre (1997) turut menambah bahawa istilah perenggan merupakan elemen di antara ayat dengan wacana dan gabungan rangkaian ayat-ayat. Analisis di tahap perenggan merupakan pendekatan yang munasabah kerana perenggan merupakan satuan bahasa yang lengkap yang mempunyai permulaan dan pengakhiran serta mempunyai sifat kesatuan tema (Longacre, 1979). Tambahan pula, unit perenggan telah digunakan secara meluas dalam kajian memperlihatkan struktur tematik penulisan bahasa kedua (seperti Alonso, 1997, 2002; Almaden, 2006; Rosniah & Idris, 2007; Wang, 2007). Jadual 1, merupakan contoh analisis data di peringkat perenggan. Setiap perenggan akan mengandungi maklumat jenis teks (TN=teks naratif), nombor teks, nombor perenggan dan ayat. Unsur Tema dan Rema yang berkaitan dengan tahap aliran Tema dihitamkan. Manakala unsur kata kerja utama digariskan. Kemudian jenis aliran tematik akan dinyatakan.

- (1) [1] El mejores vacaciones que he estado en Pulau Langkawi. [2] Hay una gran cantidad de turistas de diferentes paises. [3] Era un lugar muy divertido.

JADUAL 1. Contoh analisis data

Jenis teks	No. teks	Perenggan	Ayat	Tema	Rema	Jenis aliran tematik
TN	13	P1	[1]	El mejores vacaciones que he estado 'Percutian terbaik yang pernah saya pergi	<u>estado</u> en Pulau Langkawi. ialah ke Pulau Langkawi'	
			[2]	' Hay 'Terdapat	una gran cantidad de turistas de diferentes paises. ramai pelancong dari pelbagai negara'	
				T2 < R1	R2	Tema linear
			[3]	(Pulau Langkawi) 'Pulau Langkawi	<u>era</u> un lugar muy divertido. <u>adalah</u> tempat yang menyeronokkan'	
				T3 < R1	R3	Tema linear berjarak

DATA KAJIAN

Dalam kajian ini, sebanyak 30 buah teks naratif yang ditulis oleh 30 responden yang mempelajari BS pada tahap lanjutan dikumpul dari dua buah universiti tempatan. Teks tersebut mengandungi 106 buah perenggan. Tujuan utama pemilihan teks naratif adalah untuk memenuhi objektif kajian ini. Penulisan naratif dikatakan penulisan yang paling mudah dihasilkan bagi menggambarkan pengalaman diri sendiri (Kim & Yoon, 2014). Bahkan penulisan naratif sering digunakan dan dipelajari di tahap III (CEFR, 2001). Penggunaan genre penulisan ini adalah selari dengan matlamat yang terkandung dalam CEFR (2001, hlm.

123), iaitu membangunkan kecekapan wacana pelajar bahasa dari sudut keupayaan pengguna bahasa untuk menyusun ayat dalam urutan bagi menghasilkan teks bahasa yang koheren. Ia termasuklah pengetahuan dan keupayaan untuk mengawal susunan ayat dari segi tema/lama/topik dan rema/baru/fokus dan sebagainya CEFR (2001, hlm. 123).

Selain itu, markah peperiksaan akhir pelajar BS pada tahap pertengahan diperolehi dari pengajar BS di kedua-dua buah universiti. Berdasarkan pada markah peperiksaan akhir BS II (pertengahan) tersebut, responden dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu baik, sederhana dan lemah. Pengkategorian ini diadaptasi dari Oxford et al. (2004), iaitu markah maksimum dan minimum dalam menentukan kategori pelajar tersebut. Markah maksimum yang diperolehi oleh subjek dalam kajian ini ialah 93 dan markah paling minimum ialah 60 secara keseluruhan. Maka, sejumlah 17 orang pelajar dikategorikan sebagai baik, lapan orang pelajar diklasifikasikan sederhana dan lima orang lagi dikelompokkan sebagai lemah.

Di samping itu, data soal selidik (lampiran A) juga dimanfaatkan bagi menyokong data penulisan, mengenal pasti dan menjelaskan aspek yang ditekankan dalam penulisan. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi maklumat demografi pelajar seperti program pengajian, fakulti, jantina, bangsa, status kursus, subjek yang pernah dipelajari dan sebagainya. Bahagian B pula mengandungi soalan item pangkatan yang diambil dan diubahsuai dari Lee (2002) (soalan tertutup). Soalan ini meminta responden untuk menyusun satu senarai pilihan (koheren, kohesi, tatabahasa, ejaan dan kosa kata) mengikut susunan kepentingannya dalam penulisan iaitu 1= paling penting, 2= penting, 3= sederhana, 4= sedikit penting, 5= kurang penting.

KERANGKA KAJIAN

Kerangka Aliran Tematik oleh McCabe (1999) dimanfaatkan bagi menganalisis 106 buah perenggan dan menentukan pautan aliran tematik teks naratif. McCabe (1999) menggunakan kerangka Daneš (1974) yang kemudiannya diadaptasi dan diubahsuai dengan mengkategorikan aliran tematik kepada dua jenis iaitu, aliran Tema yang mengandungi aliran Tema Kekal (selanjutnya TK) dan aliran Pemisahan Tema (selanjutnya PT). Manakala aliran Rema pula terdiri daripada aliran Tema Linear Mudah (selanjutnya TL) dan aliran Pemisahan Rema (selanjutnya PR). Aliran Tema Utama tidak dimasukkan sebagai salah satu jenis aliran tematik kerana, McCabe (1999, hlm. 171-270) berpandangan ia mungkin berkait dan bertindih dengan aliran Tema Kekal atau Tema Linear. Kajian ini juga mengambil kira beberapa aliran tematik tambahan seperti Enkvist (1974) yang mengenal pasti dua bentuk aliran tematik, iaitu Rema Ulangan (selanjutnya RU) dan Rema Regresi (selanjutnya RR), Ping (2005, hlm. 718-720) memperkenalkan aliran 'Box Development' (selanjutnya BD) dan 'Pair to Single Development' (selanjutnya PSD) dan Idris (2010) aliran Tematik Rencam (selanjutnya TR).

Sekiranya wujud Tema yang tidak boleh dipautkan dari Tema atau Rema sebelumnya dalam sesuatu perenggan akan dilabelkan sebagai Tema Berlainan. McCabe (1999) mengkategorikan Tema ini sebagai *Peripheral Theme*, manakala Ebrahimi dan Ebrahimi (2012) meletakkan Tema yang tidak boleh dipautkan sebagai *miscellaneous*. Pengaliran Tema juga boleh datang dari Tema atau Rema yang berjarak satu, dua atau lebih dalam perenggan yang sama, maka Tema tersebut akan dikenali dengan nama seperti Tema Kekal Berjarak (selanjutnya TKB), Tema Linear Berjarak (selanjutnya TLB) dan sebagainya.

Aliran pertama, iaitu aliran TL merupakan tahap yang paling asas bagi aliran tematik (Daneš, 1974; McCabe, 1999). Dalam aliran ini, setiap Rema (R) menjadi Tema (T) pada setiap ayat yang berikutnya seperti dalam data (2) (perkataan digelapkan).

- (2) Fuimos a ver **la orquesta en un gran concierto** realizado por mi primo y sus amigos. **En el concierto**, los instrumentos por usaron incluyen guitarras, violins, saxofón y otras. (TN 16 P3)
(Kami pergi menonton **orkestra di sebuah konsert besar** yang dipersembahkan oleh sepupu saya dan kawan-kawannya. **Di konsert itu**, instrumen yang digunakan ialah gitar, biola, saksofon dan lain-lain)

Seterusnya, aliran maklumat yang kedua, iaitu aliran TK memperlihatkan Tema yang sama muncul bagi setiap ayat. Setiap Rema pula menunjukkan maklumat yang berlainan seperti dalam data (3) (perkataan digelapkan).

- (3) [1] **Mis hermanas y yo** jugamos por el lado del mar. [2] **Contruimos** castillas de arena y nadando en el mar. [3] **Nos divertimos** mucho. (TN 30 P3)
(**Saya dan adik-adik saya** bermain kami di tepi laut. **Kami** membina istana pasir dan berenang di laut. **Kami** berasa amat menyeronokkan)

Aliran PR pula memaparkan Rema (R1) yang berpecah kepada dua atau lebih. Kemudian Rema-Rema ini (R (i) dan R (ii) pula menjadi Tema dalam aliran klausa berikutnya (lihat data 4) (perkataan digelapkan).

- (4) **Vivir en una gran ciudad tiene ventajas y desventajas. Entre las ventajas** podemos incluir las posibilidades laborales y culturales de las que se puede disfrutar. **Las desventajas**, sin embargo, son interminables: el tráfico, la polución, los precios, etc. (Alonso, 1997 hlm. 109)
(**Menetap** di bandar besar mempunyai **kelebihan** dan **kekurangannya**. **Antara kelebihannya** berkemungkinan kita boleh memperolehi pekerjaan dan menikmati budayanya. **Kelemahannya, bagaimanapun** adalah tidak berkesudahan: lalu lintas, pencemaran, harga, dan lain-lain)

Sementara itu, aliran PT bermaksud Tema dalam ayat mengandungi lebih dari satu idea dan kemudian idea-idea tersebut akan berkembang di dalam klausa yang seterusnya dan setiap Tema ini mempunyai Rema yang berlainan (McCabe, 1999 hlm. 175) (lihat data 5) (perkataan digelapkan).

- (5) **The upward movement of wages** and the **downward price of cereals** led.... **Better wages in both town and countryside** enabled the population to....**While the price of wheat fell**, wine, beer, oil, butter, cheese, meat, fruit,.... (McCabe, 1999 hlm. 175).

Dalam aliran RU, Rema di dalam ayat menjadi Rema pada ayat berikutnya (lihat data 6). Manakala, RR memaparkan Rema di dalam ayat diambil dari Tema ayat sebelumnya. (lihat data 7) (perkataan digelapkan).

- (6) Hemos visitado galerías de arte y museos y tener la oportunidad de ver un montón de obra maestra en todo el mundo, **incluyendo el arte de Pablo Picasso**. Yo me quedé impresionado con **el arte de Pablo Picasso**. (TN 16 P1)
(Kami telah melawat galeri seni dan muzium dan berpeluang melihat karya-karya dari seluruh dunia **termasuklah karya seni dari Pablo Picasso**. Saya kagum dengan **karya seni Pablo Picasso**. (TN 16 P1)

- (7) **Margaret** published a book. But no one believed **her** (Ping, 2005, hlm. 712)

Aliran yang berikutnya, iaitu aliran 'Box Development' berlaku apabila elemen Tema dan Rema dalam ayat menjadi Tema dan Rema dalam ayat yang seterusnya (data 8). Manakala aliran 'Pair-to-Single Development' terjadi apabila pasangan Tema dan Rema dalam ayat berkaitan dengan Tema dan Rema ayat seterusnya (data 9).

- (8) Hay tantos lugares que quiero ir. **Quiero ir a** Roma, la ciudad Eterna. **Quiero ir a** Afghanistan para ver los efectos de la Guerra. **Quiero ir a** todos los lugares. **Quiero ir a** Vietnam para ver la cueva más grande del mundo. **Quiero ir a** todos los lugares que he leído en los libros. (TN 5 P3)
(Terdapat begitu banyak tempat yang mahu pergi saya. **Saya mahu pergi ke** Rom, Eternal City. **Saya mahu pergi ke** Afghanistan untuk melihat kesan peperangan. **Saya mahu pergi ke** semua tempat. **Saya mahu pergi ke** Vietnam untuk melihat gua terbesar di dunia. **Saya mahu pergi ke** semua tempat yang saya telah baca di dalam buku)
- (9) Dos años pasados, fui a Malacca. **Fui con mis amigos Cristina y Elizabeth. Hemos** visitado Malaca porque liberar la tension en estudio en UUM. (TN 4 P1)
(Dua tahun lepas, pergi saya ke Melaka. **Saya** pergi bersama **rakan saya Cristina dan Elizabeth. Kami** melawat Melaka kerana ingin melepaskan rasa ketegangan dalam pembelajaran di UUM)

Akhir sekali, aliran Tema Rencam merupakan aliran yang mengharmonikan dua atau lebih aliran Tema dalam konfigurasi aliran maklumatnya (Idris, 2010) seperti aliran Rema Ulangan, Rema Regresi, Tema Berlainan, Tema Linear dan Tema Kekal Berjarak dalam sesebuah perenggan (data 10).

- (10) Aquí, hay mucho **actividad y juegos en el playa**. Nosotros **nadado en el playa**. **Yo** comi **la comida la cina** en la restaurante cerca de la playa. **La comida** era deliciosa. **Me** gusta ir de vacaciones allí de nuevo. (TN 17 P2)
(Di sini, terdapat pelbagai **aktiviti dan permainan di pantai**. Kami **berenang di pantai**. **Saya** makan **makanan Cina** di sebuah restoran berhampiran pantai. **Makanan tersebut** sedap. **Saya** suka bercuti di sana lagi)

PROSEDUR PUNGUTAN DATA KAJIAN

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji meminta kebenaran terlebih dahulu kepada pengajar BS di dua buah universiti tempatan tersebut. Setelah itu, bantuan pengajar diperlukan bagi memberikan tugas karangan naratif kepada responden. Bagi mengelakkan timbulnya rasa gusar dan kerisauan di kalangan responden dan inginkan data yang autentik maka pengajar BS sengaja tidak memberitahu tujuan sebenar kajian kepada responden. Pelajar membuat tugas tersebut sebagai sebahagian latihan menulis di dalam kelas. Kesemua pelajar menerima tajuk penulisan yang sama bagi membolehkan penulis menganalisis data yang seragam dan tidak berat sebelah. Pada minggu ke-11, responden diarah untuk menulis karangan naratif yang menceritakan pengalaman percutian yang menarik dalam BS. Responden diberikan kebebasan untuk menulis apa jua yang terlintas di fikiran tanpa halangan dan menggunakan apa jua kala di dalam BS. Mereka dibenarkan menggunakan kamus bagi menghasilkan penulisan yang terbaik. Namun, mereka tidak dibenarkan menggunakan kemudahan terjemahan di laman sesawang bagi mengekalkan keaslian karangan mereka. Tugas tersebut perlu diselesaikan dalam tempoh satu jam sahaja.

ANALISIS DATA

Data kajian dianalisis secara kuantitatif yang melibatkan pengiraan kekerapan dan peratusan jenis aliran tematik yang dimanfaatkan dalam keseluruhan teks naratif kajian ini. Walau bagaimanapun, bagi mengenal pasti dan menjelaskan penguasaan aliran tematik dari sudut pembolehubah kategori pelajar (baik, sederhana dan lemah), tiada panduan yang sistematik bagi menunjukkan kekerapan pengaplikasian aliran Tema Kekal dalam karangan naratif. Oleh itu, kaedah Maleki dan Jalili (2014) diguna pakai, iaitu aliran Tema Kekal yang

diaplikasikan harus lebih daripada dua kali dari mana-mana aliran Tema. Maka, semakin kerap responden mengaplikasikan aliran tematik tersebut, mereka boleh diklasifikasikan sebagai baik dan begitu juga sebaliknya. Hal ini selari dengan kesimpulan Fries (1983) yang menyatakan penulisan naratif memaparkan pengulangan aliran Tema Kekal sebagai aliran utama ideanya. Kemudian, ujian korelasi *Spearman rho* dengan menggunakan perisian Pakej Statistik Sains Sosial versi 21 dijalankan bagi menganalisis perhubungan di antara tahap pencapaian bahasa dengan pemanfaatan jenis aliran tematik. Sementara itu, hasil soal selidik (Lampiran A) bahagian A dan B juga dianalisis dengan menggunakan perisian yang sama bagi memperolehi hasil ujian deskriptif seperti peratusan dan kekerapan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

CIRI ALIRAN TEMATIK TEKS NARATIF

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat empat jenis aliran Tema yang dimanfaatkan oleh responden ketika merealisasikan idea teks naratif, iaitu aliran Tema Rencam, aliran Tema Linear, aliran Tema Kekal dan aliran Tema Berlainan (Jadual 2). Manakala, aliran Pemisahan Tema dan Rema tidak diamalkan langsung dalam penulisan naratif mereka. Daripada lima jenis aliran Tema tersebut, dipaparkan aliran Tema Rencam merupakan aliran Tema yang paling menonjol dimanfaatkan ketika menghasilkan karangan naratif bagi kesemua kategori pelajar (baik, sederhana dan lemah), iaitu sebanyak 80 buah perenggan atau 76%, diikuti dengan aliran Tema Berlainan (13 buah perenggan atau 12%), aliran Tema Linear (9 buah perenggan atau 8%), dan aliran Tema Kekal (4 buah perenggan atau 4%) (Jadual 2). Hal ini menunjukkan bahawa empat jenis aliran tema (aliran Tema Kekal, Linear, Pemisahan Tema dan Pemisahan Rema) yang disyorkan McCabe (1999) adalah tidak memadai kerana muncul aliran tema yang lain iaitu aliran Tema Rencam oleh Idris (2010). Berikut diperjelaskan pemanfaatan setiap jenis aliran Tema tersebut.

JADUAL 2. Bilangan dan peratusan jenis aliran tematik teks naratif

Jenis Aliran Tema / Kategori	Rencam (%)	Kekal (%)	Linear (%)	Berlainan (%)	Pemisahan Tema (%)	Pemisahan Rema (%)	Jumlah (%)
Baik (N=17)	47 (71)	3 (4)	7 (11)	9 (14)	0	0	66 (100)
Sederhana (N=8)	19 (79)	1 (5)	2 (8)	2 (8)	0	0	24 (100)
Lemah (N=5)	14 (88)	0 (0)	0 (0)	2 (12)	0	0	16 (100)
Jumlah	80 (76)	4 (4)	9 (8)	13 (12)	0	0	106 (100)

CIRI ALIRAN TEMA RENCAM

Dari sudut penguasaan aliran Tema Rencam, kelihatan pelajar kategori lemah mendominasi penggunaan aliran Tema Rencam iaitu sebanyak 88%. Manakala, pelajar kategori sederhana memanfaatkan aliran ini sebanyak 79% dan pelajar kategori baik sebanyak 71%. Kesemua kategori pelajar menggabungkan dua atau lebih konfigurasi aliran maklumatnya seperti aliran Tema Kekal, aliran Tema Linear, aliran Tema Berlainan, aliran Rema Regresi, aliran Rema Ulangan, aliran *Box Development* dan aliran *Pair to Single Development*. Oleh yang demikian, hasil pendominasian aliran Tema Rencam ini adalah tidak selari dengan pandangan Fries (1983) yang merumuskan bahawa pada kebiasaannya teks naratif lebih mempraktikkan aliran Tema Kekal dalam pengaliran ideanya. Ini bermakna, para pelajar melanggar norma idea penulisan yang seharusnya dimanfaatkan dalam karangan naratif. Bahkan, mereka tidak peka dengan genre penulisan yang dihasilkan.

Namun, apa yang diujarkan mengenai aliran Tema yang seharusnya menonjol dalam penulisan naratif adalah suatu pandangan lapuk atau menurut amalan biasa. Sejalan dengan pandangan McCabe (1999) yang menggambarkan terlalu mudah untuk menafsirkan aliran Tema Kekal akan berkolerasi dengan teks naratif. Walhal, seorang individu atau penulis bebas untuk memilih mana-mana unsur-unsur dari wacana sebelumnya sebagai titik permulaan klausa yang diberikan (McCabe, 1999). Melalui dapatan kajian ini, sesuatu yang baharu muncul dalam penulisan pelajar bahasa Sepanyol bukan natif. Secara jelasnya, ketiga-tiga kategori pelajar bukan memanfaatkan aliran Tema Kekal sebagai aliran ideanya tetapi memilih aliran Tema Rencam dengan ketara ketika menulis teks naratif iaitu sebanyak 80 buah perenggan dari 106 buah perenggan (Jadual 2). Ini membuktikan bahawa kesemua kategori pelajar tidak terikat dan tidak menghiraukan aliran Tema yang perlu dipraktikkan dalam teks naratif. Bertepatan dengan pandangan Fries (2002, hlm. 121) yang menyatakan *“Like all other aspects of language, the choice of what to present as newsworthy in a given message is up to the speaker. It cannot be predicted with certainty by an external observer”*.

Bukti ini merupakan dapatan kajian yang penting, signifikan dan memberi satu dimensi baharu mengenai penguasaan aliran tematik pelajar bahasa Sepanyol bukan natif. Mungkin perbincangan pengkaji terdahulu lebih sesuai diaplikasikan kepada penulis berpengalaman dan bukannya kepada individu yang baharu menguasai kemahiran menulis dalam bahasa asing. Johns menegaskan *“...student essays do not really matter to disciplinary experts”* (Johns, 2008, hlm. 241). Oleh yang demikian, individu yang kurang berpengalaman seperti responden kajian ini akan sentiasa menampilkan kelemahan dalam penyusunan Tema dan Rema seperti yang diperkatakan Wang (2007, hlm. 167) *“The problems of inappropriately handling the flow of Theme and Rheme are quite common among inexperienced writers”*.

Pendominasian aliran Tema Rencam dalam kajian ini hampir menyamai apa yang ditemukan oleh Almaden (2006); Hawes dan Thomas (1997) dan Rosniah dan Idris (2007). Dalam kajian Almaden terhadap pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris di salah sebuah universiti di Filipina, menyimpulkan kebanyakan respondennya mengamalkan aliran Tema Kekal, aliran Tema Kekal Berjarak dan aliran Tema Linear dalam perenggan analisis tersebut. Ini jelas membuktikan bahawa secara tidak sedar perenggan tersebut memanfaatkan aliran Tema Rencam. Begitu juga dengan Hawes dan Thomas (1997) yang menyimpulkan aliran idea yang dimanfaatkan oleh pelajar bahasa Inggeris sebagai bahasa asing di sebuah universiti di Malaysia terlalu banyak. Dari pengamatan analisis cerakinan oleh Rosniah & Idris (2007) juga membuktikan bahawa pengamalan aliran Tema yang bercampur-campur.

Mungkin ada benarnya tentang apa yang diujarkan oleh Enkvist (1973) dan Wang (2007) yang berpendapat bahawa sesebuah teks digambarkan sebagai teks yang statik sekiranya hanya meletakkan Tema yang sama bagi setiap ayat yang berikutnya. Dengan erti kata lain, teks tersebut kelihatan kaku tanpa mengembangkan idea yang terkandung dalam idea sebelumnya. Maka, peralihan Tematik ini akan sentiasa menampilkan Tema yang berbeza lantas memberi kesan yang lebih dinamik (Enkvist, 1973).

Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan kajian dan beberapa penemuan percampuran beberapa aliran Tema dalam sesebuah perenggan oleh pengkaji terdahulu (seperti Hawes & Thomas, 1997; Almaden, 2006; Rosniah & Idris, 2007) maka, makalah ini ingin menokok aliran Tema Rencam tersebut dengan mengelompokkannya kepada tiga jenis subaliran, iaitu aliran Tema Dwi Rencam, aliran Tema Tri Rencam dan aliran Tema Rencam Kompleks. Pengelompokkannya perlu dibentuk kerana terlalu banyak jenis gabungan yang dihasilkan dalam teks kajian ini. Bahkan pengelompokan ini juga dapat melebarkan lagi ulasan Idris (2010) mengenai aliran Tema Rencam. Pengelompokkan ini sama dengan apa

yang ditemukan oleh Azlina dan Maserah (2015). Namun, pengelompokkannya hanya melibatkan teks ekspositori dan bukannya teks naratif.

Aliran Tema Dwi Rencam bermaksud aliran ini mengandungi gabungan dua jenis aliran Tema yang berlainan dalam pembinaan aliran tematiknya (Azlina & Maserah, 2015). Manakala, aliran Tema Tri Rencam terjadi apabila aliran maklumatnya memanfaatkan tiga jenis aliran Tema dalam sesebuah perenggan (Azlina & Maserah, 2015). Aliran Tema Rencam Kompleks pula melibatkan gabungan aliran tematik yang mengandungi pelbagai aliran Tema atau gabungan lebih dari tiga jenis aliran Tema (Azlina & Maserah, 2015). Berikut adalah Jadual 3 yang memaparkan bilangan dan peratusan bagi setiap subaliran Tema Rencam tersebut.

JADUAL 3. Bilangan dan peratusan subaliran Tema Rencam

No.	Subaliran Tema Rencam	Bilangan	Peratus
1.	Tema Dwi Rencam	37	46
2.	Tema Tri Rencam	27	34
3.	Tema Rencam Kompleks	16	20
	Jumlah	80	100

Jadual 3 menunjukkan subaliran Tema Dwi Rencam paling banyak dimanfaatkan oleh pelajar ketika mengalirkan maklumat karangan naratif, iaitu sebanyak 37 buah perenggan atau 46% berbanding Tema Tri Rencam sebanyak 27 buah perenggan atau 34% dan Tema Rencam Kompleks sebanyak 16 buah perenggan atau 20%. Berikut contoh pemanfaatan aliran Tema Dwi Rencam.

- (2) [1] **Mi familia y yo** hemos viajado a **Osaka, Japón por vacaciones**. [2] **Las vacaciones** es cinco días. [3] **Nosotros** hemos permanecido en Osaka por dos días y Kyoto por dos días. [4] **Nosotros** vamos allí en avión. TN 15 P1
(**Keluarga saya dan saya** telah mengembara ke **Osaka Jepun untuk bercuti**. **Percutian** tersebut adalah sebanyak lima hari. **Kami** telah tinggal selama dua hari di Osaka dan dua hari di Kyoto. **Kami** pergi ke sana dengan menaiki kapal terbang)

Data (2) memaparkan bahawa aliran Tema Dwi Rencam, iaitu Tema Linear dan Tema Kekal Berjarak digunakan dalam binaan aliran maklumatnya. Ayat [1] dibina daripada T1 dan R1. Dalam ayat [2], Tema utamanya ialah **Las vacaciones** (percutian) yang berasal dari R1 iaitu **Osaka, Japón por vacaciones** (Osaka, Jepun untuk bercuti). Pengulangan leksikal **Las vacaciones** (bercuti) adalah merujuk kepada percutian di Osaka, Jepun. Ini menandakan T2 dan R1 memiliki pertautan yang sama. Seterusnya, aliran Tema Kekal Berjarak dipilih dalam ayat [3] dan [4]. Berjarak bermaksud Tema tersebut diulang semula dalam jarak satu, dua ayat atau seterusnya dalam sesebuah perenggan. Maka ayat [3] mempunyai jarak satu ayat iaitu ayat [2] dan ayat [4] berjarak sebanyak dua ayat iaitu ayat [2] dan ayat [3]. Tema ayat [3] dan [4] adalah sama iaitu leksikal **Nosotros** (Kami) menerusi rujukan melalui ganti nama diri secara anafora sebagai penanda iaitu **mi familia y yo** (keluarga saya dan saya) dalam ayat [1]. Melalui rujukan ini ia sedikit sebanyak menjadikan teks itu berpautan dan koheren.

CIRI ALIRAN TEMA BERLAINAN

Seterusnya, aliran Tema kedua yang paling kerap diamalkan bagi merealisasikan aliran maklumat karangan naratif ialah aliran Tema Berlainan, iaitu sebanyak 13 buah perenggan atau 12%. Walaupun Tema Berlainan ini tidak diklasifikasikan atau tidak membentuk aliran maklumat/idea, namun ia masih boleh menyumbang pada kesinambungan keseluruhan teks dan tidak seharusnya diabaikan dalam analisis kajian (McCabe, 1999, hlm. 180-189).

Paparan dari Jadual 1, mengesahkan ketiga-tiga kategori pelajar mempraktikkan aliran ini ketika menghasilkan karangan naratif. Bilangan peratusan penggunaannya adalah hampir sama di antara pelajar baik (14%) dan lemah (13%). Manakala pelajar kategori sederhana memanafaatkannya sebanyak 8% sahaja. Ini menandakan walaupun berpencapaian baik, mereka juga kadangkalanya tidak berupaya mengaitkan Tema dari Tema atau Rema sebelumnya. Wang (2007); Alonso (1997, 2002) menyatakan bahawa masalah kemunculan Tema Baharu (merujuk kepada Tema Berlainan dalam kajian ini) merupakan hal yang biasa berlaku dalam penulisan penulis yang tidak berpengalaman seperti responden dalam kajian ini. Dapatan ini juga menyamai hasil yang ditemukan Almaden (2006); Ebrahimi dan Ebrahimi (2012); Jalilifar (2010) dan Rosniah dan Idris (2007). Hal ini membuktikan bahawa kecenderungan responden memilih aliran Tema Berlainan bukan sahaja melibatkan penulisan naratif dan esei definisi bahasa Inggeris bahkan turut diamalkan dalam penulisan naratif selain dari bahasa Inggeris iaitu bahasa Sepanyol. Pemanfaatan aliran ini dapat dilihat dalam data berikut.

- (3) [1] Nosotros hemos vuelto a Malasia en el quinto dia. [2] Es el mejor viaje que he tenido. TN 15 P4
(Kami telah pulang ke Malaysia pada hari yang kelima. Ia adalah lawatan terbaik yang pernah saya miliki)

Dari data (3) jelas menunjukkan bahawa pergerakan aliran idea dalam ayat [1] dan [2] adalah berkisarkan kepada dua perkara yang berbeza. Walaupun keseluruhan Tema adalah tidak berkaitan antara satu sama lain namun sebenarnya ia merupakan penutup kepada keseluruhan penceritaan.

CIRI ALIRAN TEMA LINEAR

Aliran Tema ketiga yang kerap diamalkan dalam penulisan karangan naratif ialah aliran Tema Linear, iaitu sebanyak sembilan buah perenggan atau 8% (Jadual 2). Aliran ini merupakan salah satu penanda kesinambungan aliran idea dalam sesebuah perenggan. Menerusi analisis Jadual 2, dicatatkan pelajar kategori baik dan sederhana sahaja mempraktikkan aliran ini. Namun, jumlah peratusan pemanfaatan aliran ini tidak jauh berbeza bagi kedua-dua kategori pelajar tersebut, iaitu 11% bagi pelajar kategori baik dan 8% bagi pelajar kategori sederhana. Walaupun tahap pencapaian bahasa mereka berbeza, namun bukti dapatan kajian ini menunjukkan penggunaan aliran Tema Linear mereka adalah lebih kurang sama seperti dalam contoh data (4) berikut.

- (4) [1] Fuimos a ver **la orquesta en un gran concierto** realizado por mi primo y sus amigos. [2] **En el concierto**, los instrumentos por usaron incluyen **guitarras, violins, saxofón y otras**. [3] **Lo** realizaron muy bien y recibieron muchos aplausos para ellos. TN 16 P3
(Kami pergi menonton **orkestra di sebuah konsert gah** yang dipersembahkan oleh sepupu saya dan kawan-kawannya. **Di konsert**, instrumen yang digunakan ialah **gitar, biola, saksofon dan lain-lain**. **Alat tersebut** dimainkan mereka dengan baik dan menerima mereka banyak tepukan)

Analisis data (4) menunjukkan ayat [1] dibina daripada T1 dan R1. Tema dalam ayat [2] iaitu **En el concierto** (Di konsert) adalah berkaitan dengan R1 iaitu **la orquesta en un gran concierto** (orkestra di sebuah konsert gah). Manakala Tema dalam ayat [3] **Lo** pula merujuk kepada Rema sebelumnya iaitu **guitarras, violins, saxofón y otras** (gitar, biola, saxofon dan sebagainya).

Hasil analisis juga mendapati pengaliran Rema teks naratif ini, datangnya dari Rema yang berjarak satu, dua atau lebih dalam perenggan yang sama. Dengan kata lain aliran

tersebut dikenal pasti sebagai aliran Tema Linear Berjarak. Penemuan ini seiring dengan pandangan yang dikemukakan Hawes (1997) bahawa pemanfaatan aliran tema yang berjarak dapat membantu dan digunakan sebagai salah satu strategi pengaliran idea penulisan. Walau bagaimanapun, ia tidak dimasukkan dalam perangkaan aliran Tema Linear ini kerana aliran tersebut berjarak atau bercampur dengan aliran tema yang lain di peringkat perenggan seperti aliran Tema Kekal, Rema Ulangan, *Box Development* dan sebagainya. Maka ia dikategorikan di bawah aliran Tema Rencam. Penemuan aliran Tema Linear berjarak ini hampir sama dengan hasil kajian Almaden (2006) sekaligus dapat menokok dapatannya. Aliran Tema Linear berjarak bukan sahaja ditemukan dalam esei definisi malah dalam teks naratif seperti kajian ini.

CIRI ALIRAN TEMA KEKAL

Aliran Tema yang paling sedikit dipraktikkan dalam penulisan karangan naratif ialah Tema Kekal, iaitu sebanyak empat buah perenggan atau 4% sahaja (Jadual 2). Amat menghampakan kerana aliran ini merupakan aliran yang paling mudah dalam kebanyakan aliran Tema, namun hanya pelajar kategori baik (4%) dan sederhana (5%) sahaja memanfaatkan aliran ini (Jadual 1). Pelajar kategori lemah dipaparkan tidak berupaya mempraktikkannya dalam penyampaian idea penceritaan. Bahkan, jumlah peratusan aliran Tema Kekal yang dimanfaatkan oleh ketiga-tiga kategori pelajar adalah amat sedikit (4 buah perenggan atau 4%) dan tidak mampu menandingi peratusan aliran Tema Rencam (80 buah perenggan atau 76%). Berikut contoh pemanfaatan aliran Tema Kekal (data 5).

- (5) [1] **Yo con mi familia** salir a Kuala Lumpur. [2] **Nosotros** a alli por quince mananas. [3] **Nosotros** alojarse con mi tia en ella casa.
(**Saya dan keluarga saya** pergi ke Kuala Lumpur. **Kami** ke sana selama lima belas hari. **Kami** menetap dengan makcik saya di rumahnya)

Dari data (5) jelas memaparkan Tema yang sama dalam ketiga-tiga ayat iaitu '**saya dan keluarga saya**' yang membawa maksud '**kami**'. Maka Tema ayat [2] dan [3] iaitu **nosotros** (kami) merujuk secara anafora frasa '**yo con mi familia**' dalam Tema ayat [1].

Dikatakan setiap genre penulisan mempunyai ciri-cirinya tersendiri dan berkait dengan aliran ideanya (Fries, 1983; Wang, 2007). Maka, pada kebiasaannya teks naratif lebih cenderung mempraktikkan aliran Tema Kekal dalam pengaliran ideanya (Fries, 1983). Malahan, berdasarkan kaedah kajian ini, sesebuah teks naratif akan diklasifikasikan baik dan sebaliknya apabila aliran Tema Kekal diterapkan lebih daripada dua kali dari mana-mana aliran Tema. Namun, menerusi pengamatan Jadual 2, penerapan aliran Tema Kekal dalam keseluruhan perenggan adalah amat sedikit dan tidak dipraktikkan langsung oleh kategori pelajar lemah. Hal ini membuktikan bahawa ketiga-tiga kategori pelajar tidak berupaya mengikuti norma penulisan naratif. Mereka kelihatan tidak gemar untuk memilih Tema yang sama bagi setiap ayat yang seterusnya sebaliknya mempelbagaikan aliran ideanya (aliran Tema Rencam) sejajar dengan pandangan yang mengatakan "*too many constant links in a row may seem heavy going or even aggressive to the reader*" (Hawes & Thomas, 1997, hlm. 48). Maka, hasil kajian ini tidak seiring dengan dapatan Ebrahimi dan Ebrahimi (2012) dan Jalilifar (2010). Walaupun, tiada keselarian dengan kajian mereka dapatan ini memberi interpretasi bahawa responden kajian ini tidak terkongkong dengan pandangan yang menyimpulkan bahawa aliran Tema Kekal lebih cenderung dimanfaatkan dalam pengaliran idea teks naratif. Dapatan ini juga dapat mewajarkan bahawa topik Tema dan Rema atau aliran maklumat perlu diterapkan dan ditekankan dalam penulisan mereka agar kesedaran terhadap genre penulisan dapat dipupuk.

Di samping itu, hasil analisis juga menunjukkan pengaliran Tema dalam keseluruhan perenggan datangnya dari Tema yang berjarak satu, dua atau lebih dalam perenggan yang sama. Maka, aliran tersebut diklasifikasikan sebagai aliran Tema Kekal Berjarak. Namun, pengaliran Tema yang berjarak tidak dimasukkan dalam perangkaan aliran Tema Kekal ini kerana aliran tersebut berjarak dan bergabung dengan aliran tema yang lain seperti aliran Tema Linear, *Box Development*, Rema Ulangan, Tema Berlainan dan sebagainya. Maka ia dikenal pasti sebagai aliran Tema Rencam. Penemuan aliran Tema Kekal yang berjarak ini hampir menyamai dengan hasil kajian Azlina dan Maserah (2015) dan Hawes dan Thomas (1997) yang menemukannya di dalam teks ekspositori. Manakala Van Esch et al. (2006) menjumpai aliran Tema Kekal berjarak di dalam teks argumentasi. Hal ini memaparkan bahawa aliran Tema Kekal berjarak bukan sahaja menjadi salah satu strategi yang dapat membantu mengalirkan idea dalam penulisan ekspositori dan argumentasi bahasa Inggeris dan bahasa Sepanyol bahkan dalam penulisan naratif bahasa Sepanyol.

HUBUNGAN ANTARA TAHAP PENCAPAIAN BAHASA DENGAN ALIRAN TEMATIK

Hasil analisis korelasi *Spearman rho* (Jadual 4) menyimpulkan bahawa tidak terdapat perhubungan yang signifikan ($p > 0.05$) antara tahap pencapaian bahasa dengan kesemua penggunaan aliran tematik penulisan naratif. Hal ini dapat disokong menerusi pengamatan peratusan penggunaan aliran tematik (Jadual 5). Jumlah peratusan tersebut tidak memaparkan peningkatan atau penurunan yang sistematik. Keputusan ini membawa implikasi bahawa semakin meningkat tahap pencapaian bahasa pelajar semakin berkurangan peratusan penggunaan aliran Tema tersebut. Dengan erti kata lain, pelajar yang memiliki tahap pencapaian bahasa yang baik tidak berupaya untuk memanfaatkan aliran Tema melebihi pelajar sederhana dan lemah (Tema Rencam dan Tema Kekal). Pelajar baik juga lebih cenderung untuk mempraktikkan aliran Tema Berlainan lebih banyak dari pelajar berpencapaian sederhana. Sepatutnya, pelajar baik kurang memanfaatkannya kerana ia menunjukkan ketidakupayaan mereka untuk mengaitkan Tema atau Rema ke ayat berikutnya. Oleh yang demikian, penggunaan aliran tematik tidak dapat dijangkakan dari tahap pencapaian bahasanya. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Jalilifar (2010) yang menunjukkan tidak terdapat hubungan antara kesemua penggunaan aliran Tema dalam karangan naratif dengan pencapaian akademik pelajarannya. Secara hakikatnya, hasil kajian ini dapat menokok dapatan Jalilifar (2010) iaitu hubungan yang tidak signifikan juga berlaku terhadap responden yang menghasilkan teks dalam bahasa asing selain dari bahasa Inggeris iaitu bahasa Sepanyol.

JADUAL 4. Hubungan antara tahap pencapaian bahasa dengan penggunaan aliran tematik

Penggunaan Aliran Tematik	r_s	Signifikan (2-tailed) p
Tema Rencam	0.20	0.28
Tema Kekal	0.14	0.44
Tema Linear	0.07	0.67
Tema Berlainan	0.20	0.26

JADUAL 5. Peratusan penggunaan aliran tematik

Aliran Tema	Lemah (%)	Sederhana (%)	Baik (%)
Tema Rencam	14 (88)	19 (79)	47 (71)
Tema Kekal	-	1 (5)	3 (4)
Tema Linear	-	2 (8)	7 (11)
Tema Berlainan	2 (12)	2 (8)	9 (14)
Jumlah	8 (100)	14 (100)	50 (100)

DAPATAN DAN PERBINCANGAN HASIL SOAL SELIDIK

Secara jelasnya ketiga-tiga kategori pelajar dalam kajian ini memanfaatkan secara dominan aliran Tema Rencam sebagai tunjang utama binaan maklumat keseluruhan perenggan teks naratif. Dengan erti kata lain, mereka tidak menyedari, tidak peka dan tidak mengetahui aliran Tema yang perlu dimanfaatkan dalam penulisan naratif. Mereka lebih menumpukan pengaliran idea di peringkat ayat dan bukannya di tahap perenggan.

Berdasarkan penelitian, hal sedemikian berlaku disebabkan mereka sebenarnya tidak menerima pendedahan yang mencukupi atau terhad mengenai topik kesinambungan dan pautan. Keadaan ini terbukti menerusi hasil soal selidik (Bahagian A – no.7) berkenaan latar belakang mereka. Hanya lima orang (16.7%) dari 30 orang pelajar mengikuti kombinasi kursus atau kelas mengenai analisis wacana dan penulisan akademik (Jadual 6). Walaupun majoriti responden pernah mengambil kursus penulisan akademik sahaja (18 orang atau 60%), namun kursus tersebut dianggap kurang memadai. Maka, tidak mustahil mereka tidak memperoleh pengetahuan dan latihan yang mencukupi cara untuk menghasilkan karangan naratif dan ekspositori menurut norma yang sepatutnya. Oleh kerana, memiliki pengetahuan dan latihan yang terhad, maka mereka lebih mengutamakan aspek tatabahasa dan kosa kata. Keutamaan aspek tersebut dapat dikenal pasti melalui hasil soal selidik (Bahagian B) mengenai aspek yang diutamakan dalam penulisan. Dapat dirumuskan bahawa majoriti responden tidak mengambil berat dan mempedulikan aspek kesinambungan dan pautan ketika merealisasikan penulisan. Mereka berpandangan aspek kesinambungan adalah sederhana (30.0%) dan aspek pautan dianggap sedikit penting dan kurang penting (23.3%) digunakan dalam penulisan. Kontradiksinya mereka lebih mengutamakan aspek tatabahasa (33.3%) dan kosa kata (33.3%) (Jadual 7). Ini menggambarkan bahawa tumpuan mereka lebih menjurus kepada aspek kosa kata dan tatabahasa dalam penulisan berbanding cara untuk menghasilkan sebuah organisasi penulisan yang berkesinambungan, bermaklumat dan berpautan. Mereka berasa selesa dan mempercayai bahawa hanya dengan aspek kosa kata dan tatabahasa sahajalah yang dapat membentuk sebuah teks dalam BS. Maka, dapatan ini hampir sama dan melebarkan hasil kajian yang ditemui oleh Jalilifar (2010). Ini beerti, bukan sahaja pelajar bahasa Inggeris sebagai bahasa asing lebih memfokuskan tatabahasa bahkan pelajar yang mempelajari bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing turut mengutamakan tatabahasa dan kosa kata berbanding yang lain. Dengan demikian, tidak mustahil dalam penulisan bahasa asing atau boleh dikatakan sebagai individu yang kurang berpengalaman sering melakukan kesilapan penyusunan Tema dan Rema (lihat kajian Alonso, 1997, 2002; Alonso & McCabe, 1998; Hawes & Thomas, 1997; Wang, 2007) kerana mereka lebih mengutamakan nahu dan kosa kata.

JADUAL 6. Kursus yang pernah diikuti dan dipelajari

Senarai kursus	Bilangan	Peratus (%)
Analisis wacana	1	3.3
Penulisan akademik	18	60.0
Analisis wacana dan penulisan akademik	5	16.7
Tidak mengambil apa-apa kursus yang disenaraikan	6	20.0
Linguistik sistemik fungsional	0	0
Jumlah	30	100

JADUAL 7. Bilangan dan peratusan aspek yang diutamakan dalam penulisan karangan bahasa Sepanyol

Aspek	Paling penting (%)	Penting (%)	Sederhana (%)	Sedikit penting (%)	Kurang penting (%)	Jumlah (%)
Kesinambungan	3 (10.0)	6 (20.0)	9 (30.0)	8 (26.7)	4 (13.3)	30 (100)
Pautan	6 (20.0)	6 (20.0)	4 (13.3)	7 (23.3)	7 (23.3)	30 (100)
Tatabahasa	6 (20.0)	10 (33.3)	3 (10.0)	8 (26.7)	3 (10.0)	30 (100)
Ejaan	5 (16.7)	5 (16.7)	7 (23.3)	3 (10.0)	10 (33.3)	30 (100)
Kosa kata	10 (33.3)	3 (10.0)	7 (23.3)	4 (13.3)	6 (20.0)	30 (100)
Jumlah (%)	30 (100)	30 (100)	30 (100)	30 (100)	30 (100)	30 (100)

KESIMPULAN

Makalah ini bertujuan menyelongkar penguasaan aliran tematik 30 buah teks naratif bahasa Sepanyol bukan natif dan hubungannya dengan tahap pencapaian bahasa. Rumusan kajian mendapati pelajar berkategori baik, sederhana dan lemah mengamalkan aliran Tema Rencam yang begitu dominan dalam pengaliran tematiknya. Dengan erti kata lain, mereka tidak berupaya mengikuti norma genre penulisan naratif seperti yang disyorkan oleh Fries (1983), iaitu aliran Tema Kekal dalam penulisan naratif. Kemunculan pelbagai jenis aliran Tema Rencam telah mewujudkan penggolongan sub-aliran Tema Rencam (Tema Dwi Rencam, Tema Tri Rencam dan Tema Rencam Kompleks) yang kurang diberi perhatian oleh pengkaji terdahulu. Tiada hubungan yang signifikan ditemui antara tahap pencapaian bahasa dengan pemanfaatan kesemua aliran tematik. Dengan kata lain, penggunaan aliran tematik tidak dapat dijangkakan dari tahap pencapaian bahasanya. Dari hasil soal selidik memaparkan, hal sedemikian berlaku disebabkan pelajar lebih mengutamakan aspek tatabahasa dan kosa kata berbanding topik kesinambungan dan pautan dalam penulisan.

Implikasi dari hasil kajian ini menunjukkan bahawa aliran tematik merupakan salah satu teknik yang efektif dan bernilai dalam sesebuah penulisan. Ini adalah kerana, pemanfaatan aliran tematik dalam penulisan berupaya meningkatkan kesinambungan idea di dalam keseluruhan teks wacana. Dengan kata lain, guru dan pelajar boleh memanfaatkan hasil kajian ini. Seorang pengajar harus menitikberatkan pengajaran dan pembelajaran penulisan yang melibatkan Tema/Rema di dalam kelas bahasa berbanding memfokuskan aspek nahu dan kosa kata sahaja. Guru boleh menggunakan beberapa latihan penulisan yang melibatkan Tema/Rema seperti menyambungkan ayat dan mengisi tempat kosong. Pelajar bahasa pula perlu dididik dan dilatih bagaimana memautkan ayat dan menghasilkan teks yang koheren. Dengan didikan dan latihan tersebut, secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran dan kepekaan kepada pelajar, terhadap aliran tema yang perlu dimanfaatkan dalam sesebuah genre penulisan. Maka, dapat mengalihkan pandangan dan persepsi pelajar bahawa dalam sebuah penulisan apa yang perlu diutamakan adalah kesinambungan dan pautan. Tanpa elemen ini, teks tersebut umpama 'kering' dengan idea utama penceritaan. Pelajar perlu menyedari bahawa penggunaan aliran tematik amat penting dalam penulisan kerana ia merupakan tulang belakang kepada plot penyampaian penulisan. Untuk kajian seterusnya, pengkaji mengesyorkan agar pembongkaran penguasaan aliran tematik melibatkan beberapa genre penulisan lain seperti deskriptif, argumentasi dan boleh membandingkannya dengan hasil penulisan dalam bahasa asing lain seperti Mandarin dan Perancis.

NOTA

Makalah ini telah ditambahbaik dan dikemaskinikan daripada prosiding Aliran Maklumat Penulisan Karangan Naratif Bahasa Sepanyol Sebagai Bahasa Asing yang dibentangkan di *International Conference on Language Education Conference (ILEC 15)* di Palm Seremban pada 7-8 Oktober, 2015.

RUJUKAN

- Almaden, D.O. (2006). An Analysis of the Topical Structure of Paragraphs Written by Filipino Students. *The Asia-Pacific Education Researcher*. 15(1), 127-153.
- Alonso, B.I. (2002). El análisis del discurso en acción: el papel de las nociones de tema y rema en la enseñanza de lenguas extranjeras. In Miquel, L. and Sans, N. (Ed.), *Didáctica del Español como Lengua Extranjera, Colección Expolingua 5*. (pp. 9-23). Madrid: Fundación Actilibre,
- Alonso, B. I. (1997). Un estudio de la progresión temática en las composiciones escritas de los alumnos de E/LE. In F. F. Moreno, B. M. Gil, & K. Alonso (Ed.). *ASELE. Actas del VIII Congreso Internacional de ASELE. El Español como Lengua Extranjera: del Pasado al Futuro* (pp. 105-113). Alcalá de Henares (Madrid): Universidad de Alcalá.
- Alonso, B. & McCabe, A. (1998). Theme-Rheme in L2 writing. *Didáctica*. 10, 13-31.
- Azlin Mohd Sera'ai & Maserah Shabudin. (2015). Ciri Aliran Tematik Karangan Ekpositori Bahasa Sepanyol Sebagai Bahasa Asing. *Jurnal e-Bangi, Journal of Social Sciences and Humanities*. 10(2), 41-56.
- Belcher, D. (2013). The Scope of L2 Writing: Why We Need a Wider Lens. *Journal of Second Language Writing*. 22(4), 438-439.
- Cassany, D. 2005. *Expresión Escrita en L2/ELE*. Arco/Libros, S.L: Madrid.
- CEFR (*Common European Framework of Reference for Languages: Learning, Teaching, Assessment*) (2001). Cambridge University Press.
- Daneš, F. (1974). Functional sentence perspective and the organization of the text. In F.Daneš, (Ed.). *Papers on Functional Sentence Persepctive* (pp. 106-128). Prague:Academia/ The Hague: Mouton.
- Ebrahimi, S. F., & Ebrahimi, S.J. (2012). Information Development in EFL Students Composition Writing. *Advances in Asian Social Science*. 1(2), 212-217.
- Enkvist, N. E. (1974). Theme Dynamics and Style: An Experiment. *Studia Anglica Posnaniensia*. 5,127-135.
- Fries, P.H. (1983). On the status of Theme in English: arguments from discourse. In Janos Petöfi and Emel Sözer (Ed.). *Micro and Macro Connexity of Texts* (pp. 116-152). Papers in Textlinguistics 45. Hamburg: Helmut Buske Verlag.
- Fries, P.H. (2002). The flow of information in a written text. In Fries, Cummings, Lockwood, and Spruiell (Ed.). *Relations and Functions in Within and Around Language* (pp. 117-155). London: Continuum Press.
- Gao, L. (2012). Examining argumentative coherence in essays by undergraduate students of English as a foreign language in Mainland China and their English speaking peers in the United States. Unpublished Ph.D Tesis, Florida International University, Miami, United States.
- Halliday, M.A.K., & Matthiessen, C.M.I. (2004). *An Introduction to Functional Grammar 3rd Edition*. Great Britain: Hodder Arnorld.
- Halliday, M.A.K. (1985). *An Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold.
- Hawes, T., & Thomas, S. (1997). Problems of Thematisation in Student Writing. *RELC Journal*. 28(2), 35-55.

- Hickmann, M. (2003). *Children's Discourse: Person, Space and Time Across Languages*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Idris Aman. (2010). *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalilifar, A. (2010). Thematization in EFL Students' Composition Writing and Its Relation to Academic Experience. *RELC Journal*. 41(1), 31-45.
- Johns, A.M. (2008). Genre Awareness for the Novice Academic Student: An Ongoing Quest. *Language Teaching*. 41(2), 237-252.
- Kim, Y., & Yoon, H. (2014). The use of L1 as a writing strategy in L2 writing tasks. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 14(3), 33-50.
- Kubota, R. (2013). Dislimiting Second Language Writing. *Journal of Second Language Writing*. 22(4), 430-431.
- Lee, I. (2002). Teaching Coherence to ESL Students: A Classroom Inquiry. *Journal of Second Language Writing*. 11(2), 135-159.
- Longacre, R.E. (1979). The Paragraph as a Grammatical Unit. *Syntax and Semantics*. 12, 115-134.
- Maleki, H., & Jalili, E. (2014). An Analysis of the Thematic Structures in Persian and English Expository and Narrative Texts. *International Journal for Teachers of English*. 4(2), 139-170.
- McCabe, A. M. (1999). Theme and thematic patterns in Spanish and English history texts. Unpublished Ph.D Tesis, Aston University, Birmingham, England.
- Medve, V. B., & Takac, V. P. (2013). The influence of cohesion and coherence on text quality: A cross-linguistic study of foreign language learners' written production. In E. Piechurska-Kuciel & E. Szymańska-Czaplak (Ed.). *Language in Cognition and Affect* (pp. 111-131). Berlin, Heidelberg: Springer Berlin Heidelberg.
- Norfaizah A. Jobar & Anida Sarudin. (2014). Proses Tematik Dalam Pembinaan Karangan Karangan: Analisis Teori Linguistik Sistemik Fungsional. *Kajian Linguistik*. 1, 126-140.
- Norfaizah Abdul Jobar, Anida Sarudin & Idris Mohd Radzi. (2014). Pola Tematik dan Implikasinya Dalam Pengajaran Penulisan Karangan. *Jurnal Pendeta*. 5, 25-41.
- Oxford, R., Cho, Y., Leung, S., & Kim, H-J. (2004). Effect of the Presence and Difficulty of Task on Strategy Use: An Exploratory Study. *International Review of Applied Linguistics in Language Teaching (IRAL)*. 42(1), 1-47
- Ping, A. L. (2005). Talking Themes: The Thematic Structure of Talk. *Discourse Studies*. 7(6), 701-732.
- Reichelt, M., Lefkowitz, N., Rinnert, C., & Schultz, J. M. (2012). Key Issues in Foreign Language Writing. *Foreign Language Annals*. 45(1), 22-41.
- Rosniah Mustaffa & Idris Aman. (2007). Thematic Progression in the Writings of Undergraduate LEP Learners. *The International Journal of Learning*. 14(9), 67-82.
- Sánchez, D. (2009). La Expresión Escrita en La Clase de ELE. *MarcoELE: Revista de Didáctica Del Espanol Como Lengua Extranjera*. 8(1), 1-41.
- Van Esch, K., De Haan, P., Frissen, L., Gonzalez Santero, I., & De La Torre Miranda, A. (2006). Evolución en La Competencia Escrita de Estudiantes de Español Como Lengua Extranjera. *Estudios de Linguística Aplicada*. 43, 55-76.
- Wang, L. (2007). Theme and Rheme in the Thematic Organization of Text: Implication For Teaching Academic Writing. *Asian EFL Journal*. 9(1), 1-11.
- Wennerstrom, A. (2003). *Discourse Analysis in The Language Classroom: Genres of Writing*. Ann Arbor: The University Of Michigan Press.

LAMPIRAN A

SOAL SELIDIK

BAHAGIAN A

Sila isikan tempat kosong dan tandakan (✓) di dalam kotak yang berkenaan.

1. Latar belakang:

Program pengajian: _____
Fakulti: _____
No. matrik: _____

2. Jantina:

Lelaki:
Perempuan:

3. Bangsa:

Melayu Cina India Lain-lain: _____

4. Bahasa ibunda:

Melayu Mandarin/Kantonis Tamil Lain-lain: _____

5. Tahap pembelajaran bahasa Sepanyol yang diikuti ketika ini:

I II III IV V VI

6. Status kursus: Elektif Wajib Audit Major

7. Subjek-subjek yang pernah diikuti dan dipelajari.

- a. Analisis wacana (*discourse analysis*) ya tidak
- b. Penulisan akademik (*academic writing*) ya tidak
- c. Linguistik sistemik fungsional
(*systemic functional linguistics*) ya tidak

BAHAGIAN B

1. Pada skala satu hingga lima, sila susunkan kepentingan perkara-perkara berikut dalam penulisan karangan bahasa Sepanyol anda (1 = paling penting, 2 = penting, 3 = sederhana, 4 = sedikit penting dan 5 = kurang penting).

kesinambungan idea (<i>coherence</i>)	berpautan (<i>cohesion</i>)	
tatabahasa	ejaan	kosa kata

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

PENULIS

Azlina Mohd Sera'ai (Ph.D) berkhidmat di Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa, Universiti Putra Malaysia. Berpengalaman luas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing. Bidang pengkhususan beliau ialah analisis wacana, psikolinguistik, pembelajaran dan pengajaran bahasa asing (Sepanyol).

Idris Aman (Ph.D) adalah Profesor Linguistik di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah analisis wacana, analisis wacana kritis dan sosiolinguistik.

Maserah Shabudin (Ph.D) ialah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Bahasa & Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Bidang kepakaran adalah analisis wacana kritis, terjemahan dan pendidikan bahasa Jepun.